

21 FEB 1999

Abu Hassan-Pilihanraya

MB MAHU PERSEDIAAN YANG TELITI HADAPI PILIHAN RAYA

SHAH ALAM, 21 Feb (Bernama) -- Komponen Barisan Nasional (BN) Selangor diminta untuk membuat persiapan teliti bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata ini adalah perlu bagi membolehkan kemenangan besar untuk BN.

"Saya mahu jentera pilihan raya negeri melaksanakan strategi-strategi bagi membolehkan kemenangan besar untuk BN," katanya semasa berucap pada konvensyen parti Progresif Rakyat (PPP) di sini hari ini.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas dan ketua PPP Selangor Alex Thiagarasan turut hadir pada konvensyen sehari itu, yang dihadiri kira-kira 1,000 perwakilan.

Abu Hassan juga meminta komponen BN agar mematuhi keputusan yang dibuat pemimpin BN, walaupun sesetengah keputusan mungkin tidak begitu menyebelahi mereka.

Sebagai contoh pengagihan kerusi mungkin menimbulkan rasa tidak puas hati kepada sesetengah pihak, tetapi yang lebih penting ialah kemenangan parti, katanya.

Abu Hassan yang juga pengerusi BN Selangor, meminta komponen BN negeri memberikan kepada ibu pejabat BN senarai ketua bahagian dan cawangan, bagi memudahkan perhubungan terutamanya semasa pilihan raya.

Beliau berkata memandangkan pengagihan kerusi adalah di bawah bidang kuasa Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah lebih baik para pemimpin BN membincangkan perkara itu dengan beliau (Mahathir).

Thiagarasan dalam ucapannya terdahulu meminta Abu Hassan memperuntukkan dua kerusi parliman dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri kepada PPP dalam pilihan raya yang akan datang.

Thiagarasan juga mahu pelantikan anggota majlis tempatan dan lembaga pengarah syarikat milik kerajaan negeri mencerminkan jumlah keanggotaan PPP negeri, PPP mempunyai 694 cawangan di negeri ini dengan 87,942 anggota.

Abu Hassan berkata kerajaan negeri akan memberikan pertimbangan sewajarnya kepada permintaan parti itu.

-- BERNAMA

KM RI